

BAB IV

ANALISIS HUKUMAN PELAKU PENZINA DALAM MAHKAMAH SYARIAH DI SARAWAK MALAYSIA

A. Analisis Terhadap Penerapan dan Pelaksanaan Hukuman Pelaku Perzinaan di Mahkamah Syariah Sarawak Malaysia

Melihat dari sejarah awal tanah Melayu syariat Islam telah diberlakukan, tetapi apa yang terjadi setelah tanah Melayu dijajah sistem undang-undangnya turut berubah. Di dalam perlembagaan telah ditetapkan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan dan agama-agama lain juga boleh berlaku sebagaimana kepercayaan masing-masing. Namun undang-undang Islam yang ada di tanah Melayu sebelum penjajahan.

Hukuman zina adalah berbeda sesuai status pezina. Pezina yang sudah menikah secara sah dan telah menikmati hubungan seksual dalam pernikahan itu dikenal sebagai '*muhsan*'. Pezina yang belum menikah atau sudah menikah tetapi belum merasakan nikmat persetubuhan dalam pernikahan itu, pelaku dikenal sebagai *ghairu muhsan* atau bukan *muhsan*. Hukuman mereka adalah seperti berikut:

- a. Bagi pezina bukan *muhsan* hukumannya adalah cambuk seratus kali cambukan. Hukuman bagi wanita yang mengandung ditunda sampai periode menyusui sangat. Hukuman bagi pezina yang sakit ditunda sampai dia sembuh. Rotan yang digunakan tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil yaitu sekitar satu meter panjang dan satu

sentimeter diameter. Stroke dibuat pada merata-rata tubuh kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan. Stroke harus dilakukan secara sederhana yaitu pegawai yang menjalankan hukuman tidak dapat mengangkat rotan itu tinggi sampai ke tingkat kepalanya. Pelaku dihukum dengan memakai pakaian yang tipis menutup aurat. Jika saat cambuk dilakukan, pelaku tersedia tidak mampu menerima cambukan, maka atas konfirmasi petugas medis, stroke itu harus ditunda sampai pelaku sembuh kembali. Untuk hukuman yang sabit dengan iqrar atau pengakuan, pelaku bisa menarik iqrarnya ketika hukuman dilakukan.

Hukuman ini adalah ketetapan Allah SWT:

Maksud: Pezina perempuan dan pezina pria harus dicambuk dengan seratus cambukan dan janganlah belas kepada keduanya mencegah kamu dalam menegakkan agama Allah, jika sekiranya kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat. (Q.S. An-Nur:2)

- b. Bagi pezina *muhsan*, hukumannya adalah rajam dengan batu yang sederhana besar sehingga mati. Hukuman dilakukan secara terbuka dan disaksikan oleh orang-orang Islam. Hukuman bagi wanita yang hamil dan orang sakit juga ditunda seperti dalam kasus pezina bukan muhsan. Pelaku dikenakan pakaian yang menutup aurat. Bagi pelaku yang sabit karena iqrar, mereka dapat menarik iqrar ketika hukuman arah.

Hukuman rajam ini adalah ketetapan Allah seperti yang termaktub di dalam Sunnah Nabi SAW di antaranya:

1. Terjemahan: Dari Abi Hurairah ra: Seorang lelaki datang menemui Rasulullah saw ketika beliau sedang berada dalam masjid. Dia memanggil Nabi lalu berkata: Ya Rasulullah, saya telah berzina. Rasulullah tidak memandangnya, memalingkan diri darinya. Orang itu mengulangi kata-kata itu sampai empat kali. Maka setelah ia mengaku sebanyak empat kali, Nabi memanggilnya dan berkata: Apakah kau gila? Dia menjawab: Tidak. Rasulullah bertanya: Adakah engkau muhsan? Dia menjawab: Ya. Maka Rasulullah bersabda: Bawalah dia dan rejamkanlah dia, maka kami pun merejamnya.
2. Terjemahan: Tidak halal darah seorang muslim kecuali karena salah satu dari tiga hal: kafir sesudah beriman, berzina sesudah ihsan (muhsan), membunuh nyawa bukan karena nyawa (qishash)

Hukuman zina hanya berlaku jika dilakukan secara sukarela.

Jika itu dilakukan secara paksa atau dirogol maka ia dibebaskan dari hukuman. Islam mengharamkan zina dan mengenakan hukuman keras ke atas pelakunya karena zina adalah perbuatan yang sangat jijik yang dapat meruntuhkan institusi kekeluargaan dan moral masyarakat.

B. Analisis Hukum Pidana Islam Terhadap Pelaksanaan Hukuman Bagi Pelaku Perzinaan di Mahkamah Syariah Sarawak Malaysia

Sebelum Akta Parlimen 1965 Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pindaan 1984, Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman bagi pelaku penzina terhadap pesalah-pesalah jinayah syariah dan apabila Akta tersebut dipinda mengikut pindaan Akta A612 dan digazet kuat kuasanya pada 1.1.1986 barulah Mahkamah Syariah seluruh Malaysia mempunyai bidang kuasa yang lebih sedikit berbanding sebelumnya iaitu diberi kuasa tiga tahun penjara, denda RM5000.00 (Rp 13500000) mengikut perkiraan

sekarang dan 6¹ sebatan atau mana-mana kombinasi daripada hukuman tersebut. Jelas mahkamah syariah telah ditentukan wewenangnya, tanpa diberi kebebasan sendiri.

1. **Kategori Hukuman Pelaku Penzina**

Di Malaysia, hukuman zina yang dikenakan sebagai suatu hukuman bagi kesalahan jinayah dalam tiga kategori seperti yang berikut.²

- a. Hukuman zina bagi kesalahan jinayah yang dijatuhkan oleh mahkamah sivil seperti kesalahan merogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan [*Akta 574*], kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan kesalahan memiliki senjata api secara haram di bawah seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*].
- b. Hukuman zina yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga di bawah Peraturan-Peraturan Penjara 2000 [P.U. (A) 325/2000] (Peraturan Penjara) karena kesalahan yang dilakukan oleh seorang banduan di dalam penjara seperti melarikan diri atau cuba melarikan diri di bawah subperaturan 123(b) Peraturan Penjara; dan
- c. Hukuman zina bagi kesalahan jinayah yang dijatuhkan oleh mahkamah Syariah yaitu di bawah enakmen/ordinan/akta kesalahan

¹ Pasal 2 Akta No. 355 tentang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang diamandemen tahun 1984

² Mahamad Naser Bin Disa Pelaksanaan Hukuman Sebat dalam kes Jenayah Syariah: Maslah dan penyelesaiannya, dibentangkan dalam Seminar Hukuman Sebat Jenayah Syariah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 23 April 2009

jinayah Syariah Negeri-Negeri/Wilayah-Wilayah Persekutuan seperti kesalahan muncikari di bawah seksyen 19, kesalahan persetubuhan luar nikah di bawah seksyen 20, kesalahan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii di bawah seksyen 22 dan beberapa kesalahan lain yang terkandung dalam Ordinan Jinayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001 [Ordinan 46 Tahun 2001].³

Pelaksanaan setiap hukuman zina yang dijatuhkan bagi setiap kategori tersebut hanya diberi kuasa kepada pihak penjara. Selain itu terdapat prosedur khusus yang telah diperuntukkan oleh undang-undang dalam melaksanakan hukuman zina yang telah dijatuhkan bagi kategori tersebut, prosedur-prosedur tersebut terkandung dalam undang-undang berikut:

1. Kanun Acara Jenayah [Akta 593] (KAJ);
2. Peraturan Penjara
3. Enakmen/ordinan/akta tatacara jenayah Syariah di bawah model undang-undang seragam yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-Raja dan telah dikuatkuasakan di kebanyakan Negeri dan Wilayah Persekutuan.⁴

Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas pelaksanaan hukuman zina oleh pihak penjara hendaklah mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan mengikut mahkamah yang

³ Ordinan Jenayah Syariah (Negeri Sarawak)

⁴ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001 [Ordinan 46/2001] (Ordinan Tatacara Jenayah Syariah Sarawak)

menjatuhkan hukuman zina tersebut, dengan kata lain sekiranya sesuatu hukuman zina itu dijatuhkan oleh mahkamah sivil bagi kesalahan jinayah yang berada di bawah bidang kuasa mahkamah sivil, maka KAJ⁵ dirujuk bagi melaksanakan hukuman zina tersebut.

Manakala sekiranya hukuman zina itu bagi kesalahan yang dilakukan oleh banduan ketika berada di bawah penjagaan penjara maka prosedur bagi pelaksanaan hukuman zina yang terpakai adalah sebagaimana yang terkandung dalam Peraturan Penjara, begitu juga bagi kesalahan jinayah Syariah yang dijatuhkan hukuman zina oleh mahkamah Syariah, prosedur yang terpakai bagi melaksanakan hukuman tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam enakmen/ordinan/akta, melihat pada enakmen atau ordinan bagi kesalahan yang dikenakan hukuman cambuk di mahkamah syariah jika diteliti pemberlakuannya tidak dilaksanakan.⁶

2. Jinayah Syariah Yang Membawa Hukuman Zina

Menurut ordinan kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, kesalahan jinayah syariah yang boleh dikenakan cambuk ialah kesalahan-kesalahan seksual seperti mengadakan persetubuhan luar nikah atau zina, muqaddimah zina atau perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, perbuatan sumbang mahram atau perhubungan muabbad dang hair muabbad, pelacuran, melacurkan isteri atau anak, muncikari, dan persetubuhan bertentangan dengan

⁵ Kanun Acara Jenayah

⁶ ibid

hukum tabii (liwat dan musahaqah)⁷. Selain itu, kesalahan meminum minuman yang memabukkan dan menyebarkan dotrin palsu juga adalah antara kesalahan lain yang boleh dikenakan hukuman cambuk.

Selain daripada peruntukan hukuman zina terhadap pelbagai kesalahan yang diterangkan di atas, Akta 1 Enakmen Tatacara Jinayah Syariah di negeri-negeri tersebut yaitu Wilayah Persekutuan, Pahang, Selangor, Perak dan Sabah menyediakan peruntukan tentang kaedah dan cara bagaimana hukuman zina itu hendak dijalankan, namun begitu, sehingga kini, belum ada satu negeri pun yang melaksankannya.⁸

Kesalahan-kesalahan jinayah syariah yang membawa kepada hukuman zina adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Setelah mencapai kemerdekaan hampir 53 tahun, tetapi masalah penyeragaman undang-undang dan adanya beberapa perbezaan peruntukan yang terkandung di dalam ordinan-ordinan atau akta undang-undang jinayah Syariah negeri-negeri di Malaysia masih berlaku, ini adalah disebabkan banyak negeri yang tidak memakai undang-undang kesalahan jinayah syariah.

Isu penyelarasan undang-undang syariah bagi negeri seluruh Malaysia bukannya satu perkara baru dan banyak usaha telah dilaksanakan untuk menyeragamkan undang-undang syariah, namun

⁷ Musahaqah: Hubungan sejenis antara lelaki dan lelaki

⁸ <http://ppsm1.blogspot.com/2010/02/14/archive.html>, laman rasmi PPSM. Ahli PPSM terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan dalam skim perkhidmatan Pegawai Syariah yang berkhidmat sebagai Pegawai di JKSM, Hakim Syarie, Pendaftar, Ketua Pendaftar, Pegawai Penyelidik, Pegawai Sulh dan Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di undang (Syariah) negeri-negeri, Pendakwa Syarie negeri-negeri dan Peguam di Jabatan Biro Bantuan Guaman.

sehingga kini ia masih belum dapat mencapai matlamatnya, namun sebagaimana dinyatakan terdahulu walau apapun kesalahan yang boleh membawa hukuman cambukan, hukuman cambuk maksimum yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi enam kali sebatan.

Ketidak seragaman dari aspek hukuman yang dikenakan, sebagai contoh di dalam kasus melibatkan kesalahan perzinahan atau kesalahan yang berhubungan dengan kesusilan, seksyen 17 Ordinan Kesalahan Jinayah Syariah (Sarawak) 2001 memperuntukan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala seksyen 7 Akta Jinayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan hukuman denda yang sama tetapi penjara hanya tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.⁹

Menunjukkan adanya ketidaksamaan undang-undang dari setiap negeri terjadi, padahal adalah lebih baik undang-undang itu dibuat berseragam, umat Islam tidak akan ragu-ragu, karena pasti ada timbul kekeliruan apakah negeri ini menjalankan hukum Islam padahal melihat pada negeri lain tidak menjalankannya.

C. Penilaian Efek Jera Sebatan Di Mahkamah Syariah Sarawak Malaysia

1. Statistik yang dilakukan Timbalan Penguasa Penjara, Jabatan Penjara, ketika mengadakan seminar berkisar Hukuman Sebat Syariah.

⁹ Enakmen Jinayah Syariah (Selangor) 1995

Menurut statistik yang dibuat oleh Tuan Masran Muhammad, pelaksanaan hukuman zina bagi jinayah syariah berbanding dengan kasus jinayah lain adalah 0.04% sahaja (bilangan pesalah jinayah syariah -6, pesalah jinayah lain – 13,686). Setakat ini hanya enam (6) pesalah lelaki telah dilaksanakan hukuman cambuk di bawah kesalahan jinayah syariah yaitu di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan. Jumlah sebatan yang telah dilaksanakan adalah dua puluh enam (26) sebatan. Berdasarkan statistic Jabatan Penjara Malaysia pada 16 April 2009, terdapat 114 banduan yang sedang menjalani hukuman penjara karena kesalahan di bawah jinayah syariah dan semuanya tidak melibatkan hukuman sebat rotan.¹⁰

Pelaksanaan hukuman Bagi pesalah jinayah, hukuman zina dilaksanakan oleh mana-mana pegawai cambuk yang dilantik oleh Komisioner Jeneral Penjara, manakala bagi pesalah zina jinayah syariah hanya dilakukan oleh Pegawai Sebat Rotan yang beragama Islam.

1. Penilaian Efek Jera Sebatan Di Mahkamah Syariah Sarawak Malaysia
Pandangan jabatan penjara berhubung pelaksanaan hukuman zina bagi kes jinayah syariah.

Jabatan Penjara Malaysia berpandangan bahawa keberkesanan hukuman zina di bawah jinayah syariah amat ringan berbanding dengan kesalahan jinayah yang lain, dari aspek pelaksanaan hukuman zina bagi

¹⁰ Tuan Masran bin Muhammad, Timbalan Penguasa Penjara, Jabatan Penjara Malaysia. Berjudul, Peranan Institusi Penjara dalam Pelaksanaan Hukuman Sebat bagi kes Jinayah Syariah. Di Seminar Hukuman Sebat Jinayah Syariah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 23 April 2009

pesalah jinayah syariah, Jabatan Penjara tidak mengalami sebarang masalah kerana semua bentuk hukuman zina telah diajar kepada pegawai yang melaksanakan cambuk. Di samping itu, apabila terdapat hukuman yang melibatkan sebatan rotan di bawah Enakmen Tatacara Jinayah Syariah ia akan dirujuk kepada Bahagian Keselamatan, Ibu Pejabat Malaysia agar tiada sebarang kesilapan semasa pelaksanaan.¹¹

Ibu pejabat penjara Malaysia (Bahagian Keselamatan) sentiasa memantau kasus-kasus jinayah syariah untuk memastikan ianya dilaksanakan mengikut Enakmen Tatacara Jinayah Syariah negeri-negeri yang berkaitan, jabatan penjara Malaysia perlu mengambil langkah yang lebih berhati-hati dalam melaksanakan hukuman cambuk di bawah Enakmen Tatacara Jinayah Syariah kerana ia melibatkan tatacara yang berbeda di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain.

Kebersanan dalam hukuman cambuk di Mahkamah Syariah ini bagi penulis adalah amat kurang mendapat efek jeranya, apa yang dapat penulis tinjau seperti yang dikomentari oleh Jabatan Penjara Malaysia, yaitu perjalanan sepanjang melakukan hukuman sebatan telah dilakukan dengan teliti dan mengikut syarat yang telah ditetapkan adalah suatu yang bagus, tetapi bagi penulis lebih baik lagi jika dilakukan dengan Hukum Islam yang benar agar lebih terkesan.

Yang penulis ingin utarkan yaitu sekiranya Hukum Hudud dilaksanakan dengan sepenuhnya jinayah-jinayah Hudud seperti

¹¹ Tuan Masran bin Muhammad, Timbalan Penguasa Penjara, Jabatan Penjara Malaysia. Berjudul, Peranan Institusi Penjara dalam Pelaksanaan Hukuman Sebat bagi kes Jinayah Syariah

meminum arak, berzina dan mencuri yang semakin menjadi-jadi sekarang semestinya berkurangan, ini kerana hukuman-hukuman ini akan memberi kesan yang mendalam kepada pelaku tersebut dari segi mental dan fizikal, selain dari menerima sebatan, mereka juga bisa merasa malu terhadap masyarakat, berbanding hukuman-hukuman yang dikenakan sekarang, hukuman ini seolah-olah tidak memberi kesan yang diharapkan.

Hukuman yang berbentuk denda atau penjara sebulan dua itu juga tidak menakutkan mereka untuk mengulangi perbuatan sama, manakan tidak hukuman ini boleh disepadukan atau diberlakukan satu sahaja, kerana peruntukan berkenaan menggunakan perkataan “boleh dihukum” yang tidak mengikat mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut tuntutan seperti dalam peruntukan, Seksyen itu juga menggunakan perkataan ‘atau’ yang diartikan sebagai pilihan.

2. Pengakuan dari pesalah pelaku penzina yang dikenakan cambuk di Selangor.

Negeri Selangor pernah melakukan sebatan keatas pesalah wanita yang melakukan persetubuhan haram, hukuman itu dijalankan secara tertutup mengikut undang-undang (seksyen) 125 (4) Enakmen Tatacara Jinayah Syariah no. 8 Tahun 2002, orang ramai tidak dibenar menyaksikan pelaksanaan hukuman disebat, yaitu pemberlakuan hukuman cambuk itu hanya berlaku di dalam penjara, dan dikenakan enam sebatan atau kurang mengikut budi bicara hakim yang

memutuskan perkara, namun hasil wawancara dari liputan akhbar, wanita-wanita tersebut menyatakan kekesalan mereka dan betapa hukuman yang mereka terima berkesan dihati, melihat dari sini betapa hukuman sebatan itu ada hikmahnya.¹²

Bagaimana pula hukuman yang diberlakukan di khalayak ramai, dari segi pengamatan penulis melihat pada hikmah cambuk dalam Perspektif Islam pasti akan memberi kesan bukan hanya pada pesalah tetapi juga penonton yang mana beragama Islam umumnya, hukuman itu untuk mengembalikan rasa malu yang telah hilang dari diri si pelaku dan untuk memberi pengajaran dan rasa gerun dihati penonton, agar tidak turut mengulangi perbuatan yang sama.

Malu itu merupakan bagian dari hukuman yaitu hukuman moral psikologis karena si pelaku perbuatan zina pada waktu melakukan zina tersebut sudah tidak beriman dan tidak punya rasa malu, jadi mempermalukan merupakan hukuman moral psikologis dan berdampak sosial yang efektif untuk preventif atau mencegah terulangnya kembali perbuatan zina dalam masyarakat, karena pelaksanaan eksekusi hukuman had zina yang disaksikan orang banyak¹³ sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَلْيَشْرَهُمَا عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ آلِ الْمُؤْمِنِينَ ۚ

¹² ibid

¹³ DR. Muhammad Abduh Malik, Perilaku Zina Pandangan Hukum Islam dan KUHP, h. 105.

Artinya: “Dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman”(Q.S. An-Nur: 2)

Ayat di atas menganjurkan pelaksanaan itu di saksi oleh orang banyak mengenai jumlahnya orang yang menyaksikan pelaksanaan hukuman had itu bervariasi, ada yang mengatakan dua, tiga, empat, tujuh, dan lebih dari itu bahkan ada yang mengatakan sepuluh orang.

Riwayat Bukhari:

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لا يزني الزاني حين يزني وهو مؤمن
(رواه البخاري)

“Tidak akan berzina orang yang berzina apabila ia beriman ketika ia melakukan perbuatan zina”

Bukankah orang yang melakukan perbuatan zina itu pada waktu melakukannya tidak punya rasa malu dan tidak punya iman, karena orang yang punya rasa malu dan punya iman yang lebih kuat dari hawa nafsunya maka dia tidak akan melakukan perbuatan zina, dan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari¹⁴

عن أبي مسعود عقبة بن عمرو الأنصاري رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان مما ادر اك الناس من كلام النبوة الاولي اذا لم تستح فاصنع ما شريت
(رواه البخاري)

Maksudnya: “Dari abu mas’ud Uqabah bin Amru al-anshari al-Badri RA berkata: rasulullah saw bersabda: perkataan kenabian yang pertama yang diterima oleh manusia adalah: apabila kamu tidak mempunyai rasa malu maka lakukanlah apa yang kamu mau”

¹⁴ Syaikh Abdullah bin Shaleh al-Muhsin , Hadis Arba’in An-Nawawiyah, Terbitan Darut Tarbiyah 2008. Cet. 2, h. 89

Tafsir hadis ini menjelaskan bahawa sifat malu itu terpuji, dan amat diperintahkan syara', orang yang sihat akalnya menyukai rasa malu menghiasi diri seseorang, sebaliknya tanpa rasa malu membuat buruk dirinya, orang yang tidak memiliki rasa malu, maka ia tidak mempunyai sesuatu yang dapat mendorongnya untuk berbuat baik dan berakhlak mulia serta menjauhkannya dari kekuasaan nafsu amarah dimana saja dan kapan saja,¹⁵ dan Allah taa'la memberi balasan terhadap semua perbuatan manusia.

¹⁵ Ibid, h. 90